

10 AYAT MEMUKAU YANG BUAT STAFF SUKA DAN SETIA PADA ANDA!



DANIEYA ENERGY

BE BOSS #1

Sama ada anda seorang boss di tempat kerja ataupun bisnes owner, cabaran utama anda sebagai seorang Boss adalah cara memberi suntikan semangat kepada staff.

Adakala sebagai boss, ada yang mengambil jalan pintas dengan memberi harapan yang tidak pasti seperti bonus, kenaikan gaji, kenaikan pangkat dengan harapan staff anda akan bekerja lebih tekun dan bersemangat.

Teknik ini berkesan kalau anda betul-betul boleh menunaikan janji anda, tapi macam mana kalau anda hanya seorang boss operasi tetapi tiada kuasa dalam memberi kenaikan pangkat apa lagi dari segi kewangan.

Jangan risau, tahukah anda yang staff sebenarnya tidak melihat wang sebagai sumber motivasi. Bagi staff yang bagus, sumber motivasi ada pada hati mereka. Persoalannya, bagaimana kita boleh menyentuh hati mereka dengan kata-kata yang padu?



Dalam E-Book Ini, anda akan belajar rahsia memukau staff anda supaya mereka setia, hormat dan dengar cakap anda.




**TEKNIK RAHSIA MEMUKAU STAFF
SECARA HALUS SUPAYA MEREKA
SUKA PADA ANDA, SETIA KEPADA ANDA
DAN SAYANG KEPADA ANDA.**

AMARAN!
JANGAN SALAH GUNA JIKA ANDA TIADA NIAT YANG BAIK

10 AYAT AYAT MEMUKAU YANG ANDA HARUS AMALKAN

1. SAYA GEMBIRA KERANA AWAK ADA DALAM JABATAN / ORGANISASI / SYARIKAT / PASUKAN INI.

- Anda mungkin sering puji staff kerana kerja mereka, anda juga harus ingatkan mereka yang anda sebagai boss bangga sebab mengambil mereka bekerja di bawah anda satu keputusan yang tepat. Sebagai Boss, anda boleh berkata kepada staff anda secara one to one ataupun dalam berkumpulan. Kedua-dua cara penyampaian memberi impak yang positif kepada staff yang menerima pujian dan juga staff lain yang mendengar



Staff anda akan menjadi lebih terinspirasi untuk turut menerima pujian. Contoh ayat yang anda boleh gunakan ialah:-

"Saya bangga dan gembira kerana membuat keputusan tepat mengambil awak bekerja di sini, sejak kehadiran awak, kita tidak lagi mengalami masalah dalam komplen dari customer kerana awak berjaya memastikan hanya produk berkualiti sahaja yang dihantar ke customer. "

2. SAYA HARGAI AWAK.

- Penghargaan yang kecil walaupun sekadar ucapan memberi impak yang amat besar dalam kerja dan hidup staff anda. Ucapan penghargaan kepada staff anda untuk perkara kecil meberi kesan mendalam dalam hidup mereka. Ada di antara mereka yang menangis dalam diam kerana tiada Penghargaan dalam hidup mereka, mungkin sewaktu kecil atau selepas berkahwin.



Bukan semua penghargaan perlu diberikan dalam bentuk duit. Penghargaan yang paling berharga kepada seorang staff adalah ayat-ayat anda, contohnya :-

"Terima kasih Aiman kerana membantu saya selesaikan bill elektrik tinggi di ofis kita. Sebab awak, kita dapat jimatkan RM 250 sebulan. Saya hargai apa yang awak lakukan untuk syarikat kita."

3. BAGAIMANA AWAK MELAKUKANNYA / MENJAYAKANNYA?

- Apabila staf anda melakukan sesuatu yang luar biasa atau berjaya mencapai matlamat organisasi, adalah lumrah untuk kita memuji mereka. Jika anda boleh bertanyakan bagaimana mereka membuat perkara itu, ia akan membuat mereka rasa kreativiti dan kerja keras mereka mendapat perhatian anda.



Sebagai boss, bila kita bertanya bagaimana staff berjaya menyelesaikan sesuatu perkara, mereka akan menjadi lebih bersemangat untuk bekerja dengan kita dan untuk kita, contohnya :-

'Aiman, boleh awak kongsi dengan saya / kami bagaimana awak berjaya menyelesaikan isu bil elektrik kita, sesuatu yang kami usaha lama tapi tidak mampu lakukan, tapi awak berjaya lakukanya'

4. ADA APA-APA YANG SAYA BOLEH BANTU?

- Keperihatinan adalah sifat yang sangat penting sebagai seorang boss. Mendengar soalan ini keluar dari mulut anda membuat staff melihat anda berperihatin dalam kerja dan kerjaya mereka. Jika perlu, turun padang sekali untuk membantu mereka apabila keadaan buntu dan perlukan idea anda. Anda pasti terkejut dengan reaksi mereka.



Ada banyak cara anda boleh bertanyakan kepada staff anda yang buat dia terharu sebab bossnya mengambil tahu. Contohnya:-

"Fazura, dah dua hari awak balik lewat, dan saya perasan awak tak seperti dulu, ada apa yang mengganggu emosi awak? Kalau saya boleh bantu, saya akan cuba ringankan beban awak."

5. APAKAH IMPIAN ATAU AZAM AWAK UNTUK TAHUN INI?

- Matlamat organisasi hanya boleh tercapai kalau staff happy bekerja di situ. Pekerja akan happy kalau matlamat peribadi mereka tercapai melalui bekerja di tempat anda. Persoalannya, adakah azam atau cita cita mereka tercapai, dan adakah anda selalu follow up bertanyakan status azam atau cita cita mereka. Pastikan anda sebagai boss, selalu follow up, mungkin anda boleh bantu dalam memberi idea dalam mencapai cita cita mereka.



Staff yang happy adalah staff yang mencapai matlamat peribadi dengan kerja di tempat anda. Sekali sekala tanyakan kepada staff anda:-

"Muthu, hari tu awak ada kata azam 2020 nak turun berat 20kg. Sekarang dah turun berapa kg? Kalau awak takde kawan jogging atau bersenam, ajak saya ok, saya join awak. Saya nak tolong awak capai azam awak untuk 2020 ni"

6. BAGAIMANA KESEJAHTERAAN AWAK / KELUARGA AWAK?

- Tanya soalan ini seikhlas hati dan duduk dengar sampai habis apa yang mereka jawab. Adakala mereka jawab sepatah, tanya lagi supaya anda kelihatan sebagai boss yang mengambil berat tentang pekerja. Anda mungkin terkejut ada pekerja yang menyembunyikan 1001 tangisan di sebalik senyuman mereka. Ada juga yang mungkin datang daripada keluarga yang hebat dan mungkin anda perlukan bantuan ahli keluarga mereka satu hari nanti.



Staff mana yang tidak happy kalau boss mereka sendiri meluangkan masa bertanyakan tentang keluarga, baik yang gembira ataupun yang sedih, contohnya:-

"Mei Hua, anak awak kan sekarang dah masuk Tadika, mesti dia dah ramai kawan, ceritalah sikit tentang anak awak. Apa yang paling comel anak awak pernah cakap yang buat awak ketawa atau menangis gembira?"

7. AWAK ADALAH SEBAB UTAMA KITA BERJAYA!

- Adakala penting untuk kita katakan “Kita Berjaya Melakukannya”, dan adakalanya ia lebih penting untuk berkata “Awak Berjaya Melakukannya Untuk Kita.” Beritahu staff anda yang dia punca utama kejayaan yang dicapai apabila anda mengenal pasti bahawa dia yang menjadi punca utama kejayaan sesuatu projek atau kerja. Apabila pekerja merasakan mereka menyumbang kepada kejayaan, mereka tidak akan terasa ditinggalkan atau dilupakan oleh pengurusan atau boss mereka.



Adakala anda sebagai boss ucapkan tahniah kepada seluruh pasukan, adakala ada seorang staff anda menjadi punca utama kejayaan anda atau pasukan anda. Contohnya:-

"Safiq, kalau tak kerana awak, kita takkan dapat menang hati customer tu, saya berterima kasih kepada awak Safiq. Awak adalah sebab utama kita mampu harungi 2020 ini dengan berjaya."

8. SAYA PERCAYA AWAK.

- Adalah sangat penting untuk staff merasa mereka dipercayai oleh anda sebagai boss. Apabila staff merasa mereka dipercayai, mereka akan merasa berkeyakinan, dihargai dan akan memberi lebih daripada apa yang dibayar pada mereka.



Kepercayaan yang diletakkan ke atas staff adalah satu anugerah yang tinggi yang anda berikan kepada staff anda. Contoh ayat yang anda boleh gunakan ialah:-

"Yusri, awak tak perlu masuk ofis esok, awak boleh bekerja dari rumah sementara tunggu kereta awak siap repair. Saya percaya awak, awak boleh masuk lepas kereta awak siap."

9. KENAPA TAK BALIK LAGI, KAN HARI INI HARI JADI ANAK AWAK?

- Sebagai boss # 1, apabila staff anda tahu yang anda peka pada hari istimewa dalam hidup mereka, bukan sahaja mereka akan rasa tersentuh, tapi juga akan terus setia dan pastikan apa yang anda mahukan dalam kerja tercapai. Bukan setakat anak, kalau boleh ingat juga anniversary mereka ataupun harijadi pasangan mereka.



lebih 70% pekerja menangguh sambutan harijadi anak mereka kerana kesibukan kerja. Untuk jadi boss #1, anda boleh amalkan teknik ini, dan suruh mereka balik awal hari itu:-

"Badul, seingat aku hari ini hari jadi anak kau Imran betul? Kenapa tak balik lagi ni, dah pergi balik, kerja esok pun boleh buat, tapi hari jadi anak setahun sekali je. Macam mana kalau ini harijadi dia yang terakhir dengan kau di sisi? Balik Badul!"

10. SAYA TIDAK RISAU APA CABARAN KITA, SEBAB SAYA ADA ANDA SEMUA DI SISI SAYA.

- Apabila staff tahu yang anda percaya dan bergantung kepada mereka untuk tempuh dugaan yang bakal dihadapi, mereka akan lebih bersemangat dan berkobar-kobar untuk berlawan dan membantu anda mengatasi dugaan itu. Cuba bayangkan CEO anda panggil ke bilik dia dan beritahu anda - "hanya awak yang boleh bantu saya".. rasa bersemangatkan? Begitu juga perasaan staff anda.



Ayat power ini kalau anda ucap, staff anda akan kembang hidungnya dan confirm tak tidur malam sebab apa yang anda katakan padanya. Contoh cara anda sampaikan:-

"Kadir, saya tak risau jika kita perlu tambah hargaj jualan kita atau perlu keluarkan duit untuk upgrade sistem kita. Sebab dengan ada awak di sisi saya, kita boleh yakinkan customer untuk terus berurusan dengan kita dan bagi sales kat kita."

NOTA PENTING



Sebagai boss, anda harus peka kepada keadaan sekeliling dan emosi staff anda. Dan kami yakin anda juga tahu yang ada antara staff anda adalah pembuli dan pencetus konflik di tempat kerja.

- a. Jangan gunakan ayat-ayat di atas untuk tujuan menggoda pekerja anda atau bertujuankan gangguan seksual.
- b. Jangan gunakan ayat-ayat di atas kepada pekerja yang mempunyai ego yang tinggi dan menjadi punca konflik di tempat kerja.
- c. Jangan gunakan ayat-ayat ini dengan tujuan memberi harapan dan janji palsu untuk kepentingan diri sendiri atau organisasi.
- d. Ayat-ayat ini adalah ayat yang bermain dengan emosi, gunakan dengan penuh etika.



SURPRISE!!!

Kami telah sediakan hadiah bonus buat anda. Oleh kerana anda sanggup invest untuk memajukan diri, kami ingin memberi lagi tips yang awesome untuk anda supaya anda boleh menjadi:



6 PERKARA YANG ANDA TIDAK PATUT DIUCAP KEPADA STAFF

1. BUAT KERJA PAKAI OTAK, BUKAN PAKAI LUTUT

- Ini memang cari pasal. Memang anda sebagai Boss ada kuasa untuk lepas cakap, tapi dua perkara akan berlaku jika anda amalkan kata-kata ini. Staff akan boycott anda secara senyap, atau silap silap tunggu anda di luar pagar lepas kerja. Kalau kejadian di luar pagar, ingat yang majikan tidak akan masuk campur.

2. SAYA TAK NAK DENGAR KOMPLEN, SAYA TAHU KERJA SIAP!

- Kalau staff anda tak komplen dengan anda, takkan nak komplen pada boss jabatan lain ataupun boss pesaing anda kan? Macam mana kalau anda suruh ikan panjat pokok, salahnya pada kita. Kalau dia komplen pun sebab kita yang salah bagi tugas. Kalau kita tidak mendengar komplen mereka, satu hari mereka tidak akan dengar rayuan kita.

3. BUDAK SEKOLAH LAGI PANDAI DARIPADA AWAK!

- Setiap orang ada keistimewaan dan kelemahan mereka. Kalau kita bandingkan ikan dan tupai, memang tupai x pandai berenang dan ikan tak pandai panjat pokok. Cuba bayangkan staff kita bandingkan kita dengan boss yang lain? Sakit hati tak? Macam tu juga staff anda rasa.

4. SAYA BAYAR GAJI / SAYA BOSS AWAK KULI, AWAK IKUT CAKAP SAYA

- Memang betul anda boss, memang betul mungkin anda bayar gaji, tetapi apabila kita menegur dengan kaitkan dengan gaji, pekerja akan terasa tercabar dan akan melakukan perkara yang anda tidak sedar dalam diam sabotaj diri anda sendiri.

5. KALAU AWAK TAK BOLEH BUAT, SAYA GANTI AWAK DENGAN PEKERJA LAIN

- Ingat, hampir 90% pekerja membuat keputusan untuk tidak berhenti walaupun dapat tawaran bagus kerana mereka sayangkan suasana kerja. Tetapi pekerja tidak unkit, mereka lakukan sepenuh hati. Kalau kita lukakan mereka dengan berkata sebegini, ianya akan memakan diri kita.

6. JANGAN SESEKALI GUNAKAN PERKATAAN-PERKATAAN BERIKUT

- Bodoh, Bangang, Stupid, Fuck, Cilaka, Sial, Gila, Bahlol, Asshole, dan apa saja yang akan menyakitkan hati staff anda. (walaupun sekadar bergurau - Jaga imej anda)



**JANGAN SESEKALI
MENGANIAYA STAFF
ANDA.**

5 RAHSIA UNTUK MENJADI BOSS YANG BERKARISMA



Anda pasti tertanya-tanya apa rahsia untuk menjadi seorang Boss yang berkarisma. Adakah susah, atau perlu ada degree atau master ataupun perlu ada duit berjuta di dalam bank.

Sebenarnya untuk menjadi seorang Boss yang berkarisma, anda tidak memerlukan semua itu. Dalam modul ini, kami akan kongsikan dengan anda, 5 tips rahsia untuk menjadi seorang boss berkarisma yang disukai dan disayangi oleh staff anda.

Bila staff anda suka dan sayang pada anda, mereka akan buat apa yang anda mahukan untuk membantu anda mencapai matlamat atau mengatasi sesuatu dugaan.

1. KENALI PERBEZAAN ANTARA MENAIKKAN NILAI HIDUP DAN MENAIKKAN TARAF HIDUP

Sebagai seorang Boss, adakalanya anda mungkin terlepas pandang perbezaan yang ketara antara dua perkara ini. Ramai Boss di luar sana lebih fokus pada menaikkan taraf hidup berbanding dengan nilai hidup.

Apa maksud taraf hidup?

- Taraf hidup bermaksud anda upgrade kehidupan anda supaya anda nampak mewah, kaya, bergaya, berjaya dan branded. Sebagai contoh
- Pakai jam harga RM 3,000
- Kalau travel kapal terbang, beli tiket bisnes kelas.
- Pakai kereta Mercedez atau BMW atau tak kurang RM 150,000
- Baju ratusan ringgit, handbag ribuan ringgit
- Handphone latest tak kurang RM 5,000

Jika anda perhatikan betul-betul :-

- Pakai jam RM 3,000 dan RM 300, waktu masih sama. Jam mahal tidak akan mencepatkan masa atau melewatkkan masa.
- Kalau naik bisnes kelas sekali pun, anda akan sampai waktu yang sama dengan kelas ekonomi.
- Kereta Mercedez atau Kereta Persona kedua-duanya boleh membawa anda ke destinasi anda.
- Baju puluhan ringgit masih mampu menutup bahagian badan yang akan ditutupi oleh baju ratusan ringgit dan handbag belasan ringgit mampu menyimpan duit yg sama banyak dengan handbag ribuan ringgit.
- Handphone RM 1,500 masih mampu menjawab telefon, menghatar mesej menerima mesej seperti mana handphone berharga RM 5,000.

Menaikkan taraf hidup anda mungkin akan memberi banyak LIKES dan COMMENT di FB atau IG, tetapi tidak akan memberikan tangisan apabila anda menghembuskan nafas terakhir nanti.

Seorang Boss yang berkarisma harus menaikkan nilai hidupnya sepanjang masa supaya dia dilihat bukan sahaja berkarisma tetapi seorang yang menjadi pemangkin kejayaan orang di sekelilingnya.

Apa maksud menaikkan nilai hidup?

- Sentiasa menyentuh hati orang lain
- Sentiasa memudahkan urusan orang lain
- Sentiasa membantu orang tanpa mengharap balasan dan tidak berkira
- Pandai memberi pujian untuk menyuntik semangat inspirasi
- Kehadiran anda menaikkan taraf hidup orang di sekeliling anda

Jika anda perhatikan perkara di atas :-

- Apabila kita berjaya menentuh hati orang lain, mereka akan terhutang budi kepada kita.
- Bila kita memudahkan urusan orang lain, orang lain akan memudahkan urusan diri kita.
- Apabila kita membantu orang tanpa mengharap balasan dan berkira, orang lain juga akan membantu kita tanpa berkira.
- Apabila kita memberi pujian kepada orang lain, orang lain akan menjadi lebih berinspirasi dan suka anda mendampingi mereka.
- Apabila anda menaikkan taraf hidup orang lain, orang akan mengenang jasa yang anda lakukan kepada mereka.

Nilai hidup tidak menjanjikan LIKES dan COMMENT di FB atau IG, tetapi ia menjanjikan satu perkara. Apabila anda meninggalkan dunia ini suatu hari nanti, ribuan tangisan akan mengiringi pemergian anda dan ketiadaan anda akan sangat di rindui.

2. MEMBUAT ORANG DI HADAPAN MERASA PENTING

Ini adalah satu ciri yang sering di pandang kecil oleh mereka yang bergelar Boss. Jika anda rasa Boss adalah seorang yang selalu busy dan tidak banyak masa untuk orang lain, itu adalah salah. Seorang Boss tidak boleh memandang asetnya yang paling penting (staff) sebagai tidak penting atau tiada masa staffnya. Ini kesilapan yang sering dilakukan oleh mereka bergelar Boss.




Apabila staff amahu bertemu dengan anda, letakkan semua yang ada di tangan anda (handphone, kertas, apa saja) ke tepi atau di atas meja, dan berikan 100% perhatian anda kepada staff anda.

Ini akan membuat staff anda terasa dia sangat penting sebab anda meletakkan semua ke tepi untuknya dan ianya akan menyentuh hati staff anda.

3. TAHU APA YANG PERLU DI SEBUT DAN KEPADA SIAPA PERLU DI SEBUT

Cuba bayangkan anda menggantung sebiji lobak di hadapan seekor kucing, adakah ia akan datang pada anda atau buat tak tahu? Sudah pasti buat tak tahu kan? Salah kucing ke salah kita?



Seperti itu juga, jika kita mahu menjadi seorang boss yang berkarisma, kita harus tahu yang staff kita ini kucing atau arnab. Setiap staff ada kepentingan dan kemahuan berbeza. Bukan semua mengejar pangkat. Bukan semua mengejar duit. Bukan semua mengejar pujian. Bukan semua mengejar flexi working hours. Bukan semua mengejar dunia. Bukan semua mengejar akhirat. Lain staff lain yang dia kejar.

Sebagai boss anda harus pandai memilih apa yang mahu di ucapkan kepada kepada staff anda untuk membuat mereka teruja dan mahu dengar apa yang anda katakan.

Jika staff anda tidak memahami anda atau tidak mendengar kata anda, bayangkan staff anda itu kucing, tanya diri anda.. "adakah saya menggantung seketul ayam goreng atau lobak merah"

4. MENTAL DAN FIZIKAL YANG LASAK DAN TIDAK MUDAH MASUK AIR

Anda sebagai boss yang berkarisma harus memiliki mental dan fizikal yang lasak, ini bermaksud anda harus sentiasa menjaga kecerdasan minda anda dan juga badan anda.



Mungkin anda tertanya apa kaitan mental dan fizikal, boleh ke saya bersenam je dan tak perlu jaga kecerdasan minda anda. Sebenarnya dua dua ada kaitan. Bila anda penat fizikal, minda tidak mampu berfikir. Bila minda anda pula penat, fizikal tidak dapat menerima arahan dari minda.

Anda sebagai Boss harus sentiasa bersenam untuk menjaga kesihatan fizikal anda, dan apabila kesihatan anda cergas, badan anda cantik, tidak overload. anda akan berasa lebih yakin. Begitu juga dengan minda, cuba untuk menyelesaikan satu masalah baru setiap hari sebagai senaman minda. Anda boleh cuba permainan minda seperti catur, sudoku atau selesaikan masalah di tempat kerja yang rumit.

Jika anda tidak amalkan ini, anda sebagai boss akan mudah masuk air, tension, stress, meletup dan pekerja tidak akan melihat anda sebagai berkarisma.

5. MEMBERI PERHATIAN KEPADA ORANG LAIN, BUKAN MENARIK PERHATIAN

Ramai Boss selalu sangka yang menjadi boss berkarisma bermaksud menarik perhatian atau menjadi perhatian orang lain. Sebab itu kalau kita tengok, di dalam mesyuarat, hanya boss saja yang bercakap, hanya boss saja yang betul, hanya boss saja tahu semua.

Boss berkarisma bukan seorang yang pergi mana-mana bercerita tentang kehebatan dirinya.



Boss yang berkarisma bila dia pergi kemana-mana akan menceritakan kehebatan sesorang itu kepada orang lain. Dia akan memberi perhatiannya kepada orang lain. Dia akan mengalihkan perhatian orang di sekeliling kepada diri mereka sendiri dengan menaikkan mereka.

Apabila anda mendampingi orang lain, dan orang itu terasa gah, hebat, penting, dihargai dan dihormati, secara automatik orang itu akan melihat anda sebagai seorang yang berkarisma.



TAPI MACAM MANA SAYA NAK HANDLE STAFF YANG SEMEMANGNYA BEBAN KEPADA JABATAN ATAU PUN SYARIKAT SAYA?

Anda mungkin tertanya-tanya bagaimana nak tangani pekerja yang sememangnya bermasalah. Betul, memang akan ada pekerja yang bermasalah dan anda perlu tahu cara mengatasinya.

Contoh staff yang patut anda sebagai Boss harus pantau dan check mate mereka ialah:-

- Ego setinggi Gunung Kinabalu
- Tidak boleh menerima idea orang lain
- Selalu lewat dan masalah disiplin
- Kaki gossip yang suka membangkai orang lain
- Sentiasa negatif dan tidak pernah puas hati walaupun diberi sedulang duit emas
- lain lain personaliti yang menyakitkan hati dan membinasakan mood tempat kerja.

Dalam E-Book yang akan datang, kami akan kupas satu satunya jenis pekerja bermasalah dan bagaimana kita boleh ubah mereka daripada masalah kepada Aset anda yang paling power!

"Jadilah pemimpin yang dihormati, bukan ditakuti."

**Apabila dihormati, pemimpin itu bila dia tiada,
kehadirannya akan dinanti-nanti.**

**Sebaliknya pemimpin yang ditakuti, ketiadaannya
sentiasa dinanti-nantikan.**

– MARIANA MAT SAAID
CEO DANIEYA ENERGY

**Seorang pemimpin mencapai kejayaannya melalui
cara dia melayan orang lain, bukan dengan
mengorbankan orang lain.**

– SARAH SAAID
PENGARAH DANIEYA ENERGY

**Staff anda bukan sekadar nombor di dalam
organisasi anda.**

**Mereka adalah anak, ibu atau bapa kepada
seseorang. Layan mereka seperti anda melayan ahli
keluarga sendiri.**

– Daniel Bin Themudu
PENGARAH DANIEYA ENERGY



AYAT-AYAT ANDA MENENTUKAN KEJAYAAN ANDA!

Kajian telah menunjukkan 87% daripada pekerja hilang motivasi ataupun berhenti kerana perkataan yang keluar daripada MULUT BOSS mereka. Hanya 13% yang berhenti kerana masalah gaji ataupun mendapat tawaran yang lebih baik.

Untuk menjadi Boss #1 bukan bermaksud memberi gaji dan bonus yang lumayan, tetapi yang paling penting adalah adakah perkataan yang keluar dari mulut anda sebagai BOSS, memberi suntikan semangat dan inspirasi atau membuat mereka rasa menyampah dan menjadi duri dalam daging kepada Organisasi anda?

Be Boss # 1 bermaksud seorang Boss yang pandai memilih perkataan yang sesuai untuk digunakan pada waktu yang sesuai untuk mendapatkan hasil yang dia mahukan.